



**BAB
EMPAT**

BAB 4

MENGUMPUL DATA DAN MENGANALISA

4.0 Pengenalan

Bab ini akan memberi perhatian secara khusus kepada analisa dan kajian yang diperolehi daripada penyelidikan yang telah dijalankan. Kajian ini juga memberi tumpuan kepada objektif disertasi iaitu menganalisa penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab di kalangan pelajar tingkatan tiga.

Di samping itu, data-data yang berkaitan dengan soalan percubaan PMR, perbendaharaan kata bahasa Arab yang terdapat dalam buku teks, soal selidik dan temu bual dianalisa untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian. Maklumat-maklumat yang diperolehi ini, sedikit sebanyak dapat membantu penulis memantapkan lagi kajian disertasinya.

4.1 Perbendaharaan Kata Bahasa Arab Dalam Buku Teks.

Perbendaharaan kata atau kosa kata merupakan satu aspek bahasa yang amat penting, kerana ia diperlukan dalam semua kemahiran bahasa, iaitu semasa kita mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Dalam hal ini, pelajar bukan sahaja perlu tahu dan perlu diajar tentang makna atau erti perkataan Arab dalam bahasa Melayu, malah yang lebih penting daripada itu ialah mereka perlu diajar tentang bagaimana perkataan memainkan peranannya dalam ayat supaya hasrat komunikasi dapat disampaikan secara jelas dan berkesan.

Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyenaraikan perbendaharaan kata bahasa Arab di akhir buku teks tingkatan satu, dua dan tiga. Perbendaharaan kata ini dibahagikan mengikut kategori yang telah ditetapkan. Pihak kementerian berharap agar ianya dapat membantu guru-guru bahasa menerangkan fungsi dan maknanya kepada pelajar dan seterusnya dapat menggunakannya dalam pertuturan dan penulisan (*Muhammad Abd Rahim, Wan Aminah bt. Wan Yaakub dan Abdullah Hj.Hassan 1996 : xvi*).

4.1.1 Kategori perbendaharaan kata bahasa Arab

Perbendaharaan kata bahasa Arab yang terdapat dalam buku teks, dibahagikan kepada tujuh kategori iaitu **Ungkapan, Struktur ayat, Kata tugas, Kata nama, Kata kerja, Sebutan dan Bilangan**. Contoh perbendaharaan kata bahasa Arab mengikut kategori sebagaimana yang terdapat dalam buku teks adalah seperti dalam jadual 4.1 di bawah;

JADUAL 4.1

Contoh Perbendaharaan Kata Bahasa Arab

Bil	Kategori	Contoh	Makna
1.	Ungkapan	السَّلَامُ عَلَيْكُمْ - صَبَاحُ الْخَيْرِ -	- selamat sejahtera - selamat pagi
2.	Struktur ayat	إِذَنْ ، يَتَضَحَّ لَنَا -	- jadi, jelaslah kepada kita ...
3.	Kata tugas	لِلذَلِكَ - إِلَى -	- oleh itu - ke
4.	Kata nama	طَالِبٌ - الْمَدْرَسَةُ -	- pelajar - sekolah
5.	Kata kerja	يَذْهَبُ - يُنَاقِشُ -	- pergi - membincang
6.	Sebutan	{ ح ح } - { ث - س - ص } -	- ha hā - th - s - ṣ
7.	Bilangan	خَمْسَةٌ - الرَّابِعَةُ -	- lima - keempat

Perbendaharaan kata bahasa Arab telah dipilih dan disusun mengikut Sukatan Pelajaran yang telah ditetapkan. Kategori perbendaharaan kata tersebut disusun mengikut tingkatan seperti yang terdapat dalam jadual berikut;

JADUAL 4.2

Kategori perbendaharaan kata yang terdapat dalam buku teks.

Bil.	Unit 1	Unit 2	Unit 3	Unit 4	Unit 5
Ting. 1	Ungkapan Struktur ayat Kata tugas Kata nama Kata kerja Sebutan Bilangan	Ungkapan Struktur ayat Kata tugas Kata nama Kata kerja Bilangan	Ungkapan Struktur ayat Kata tugas Kata nama Kata kerja	Ungkapan Struktur ayat Kata tugas Kata nama Kata kerja	Ungkapan Struktur ayat Kata tugas Kata nama Kata kerja
Ting. 2	Ungkapan Struktur ayat Kata tugas Kata nama Kata kerja	Ungkapan Struktur ayat Kata tugas Kata nama Kata kerja	Ungkapan Struktur ayat Kata tugas Kata nama Kata kerja	Ungkapan Struktur ayat Kata tugas Kata nama Kata kerja	Ungkapan Struktur ayat Kata tugas Kata nama Kata kerja
Ting. 3	Ungkapan Struktur ayat Kata tugas Kata nama Kata kerja	Ungkapan Struktur ayat Kata tugas Kata nama Kata kerja	Ungkapan Struktur ayat Kata tugas Kata nama Kata kerja	Ungkapan Struktur ayat Kata tugas Kata nama Kata kerja	Ungkapan Struktur ayat Kata tugas Kata nama Kata kerja

Perbendaharaan kata yang terdapat dalam buku teks Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu, Dua dan Tiga, disusun dan dibahagikan kepada lima unit. Dalam setiap unit, terdapat empat tajuk besar.

Semua unit mempunyai lima kategori perbendaharaan kata iaitu “**ungkapan**”, “**struktur ayat**”, “**kata tugas**”, “**kata nama**” dan “**kata kerja**”, kecuali unit satu dan unit dua dalam buku teks tingkatan satu. Unit satu tingkatan satu mempunyai tujuh kategori perbendaharaan kata dengan menambahkan kategori “**sebutan**” dan “**bilangan**”, manakala unit 2 hanya menambahkan “**bilangan**” sahaja.

Walaupun “**bilangan**” dan “**sebutan**” tidak terdapat dalam senarai perbendaharaan kata di unit-unit lain, tetapi ianya tetap diberi perhatian terutamanya dalam latihan dan pengajaran. Guru bahasa hendaklah merancang kaedah pengajaran yang terbaik dan menggunakannya dalam kemahiran-kemahiran bahasa yang lain. Pelajar yang telah menguasainya di peringkat awal iaitu di tingkatan satu, haruslah diberi latihan yang berterusan.

“**Sebutan**” telah diberi keutamaan oleh pihak kementerian, terutamanya dalam unit satu di tingkatan satu, kerana ia merupakan aspek bahasa yang sukar untuk dikuasai oleh pelajar. Oleh kerana pelajar bukanlah penutur jati bahasa Arab, maka mereka akan mendapati aspek bahasa seperti sebutan dan intonasi itu sukar dikuasai jika dibandingkan dengan aspek bahasa yang lain seperti perbendaharaan kata dan tatabahasa. Sekiranya seseorang pelajar Melayu mempelajari bahasa Arab, maka sebutan dan intonasi bahasa Melayunya sedikit sebanyak akan mengganggu atau mempengaruhi sebutan dan intonasinya dalam bahasa Arab.

Oleh itu latihan-latihan yang berterusan, amat diperlukan agar pelajar dapat bertutur dalam bahasa Arab dengan sebutan dan intonasi yang betul.

Kenyataan ini diperkuatkan lagi oleh Abdul Aziz Abdul Talib;

Aspek ini sukar dikuasai kerana gangguan fonologi daripada bahasa pertamanya yang mungkin mengganggu aspek sebutan dan intonasi dalam bahasa kedua.

(Abdul Aziz Abdul Talib - 1996: 192)

4.1.2 *Bilangan Perbendaharaan Kata Bahasa Arab Dalam Buku Teks.*

Penulis telah mengira dan menganalisa perbendaharaan kata yang terdapat dalam buku teks tingkatan satu, dua dan tiga. Berikut adalah bilangan perbendaharaan kata yang terdapat dalam buku teks Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu, Dua dan Tiga .

JADUAL 4.3

Perbendaharaan Kata Bahasa Arab Tingkatan Satu, Dua dan Tiga.


	Ting. 1	Ting. 2	Ting. 3	Jumlah	Peratus
Ungkapan	69	84	112	265	8 %
Struktur Ayat	60	43	96	199	6 %
Kata Tugas	85	85	157	327	10 %
Kata Nama	495	572	580	1647	51 %
Kata Kerja	154	185	313	652	20 %
Sebutan	24	0	0	24	1 %
Bilangan	100	0	0	100	3 %
Jumlah	987	969	1258	3214	100 %
Peratus	31 %	30 %	39 %	100 %	

Dalam kategori perbendaharaan kata yang terdapat dalam buku teks, pihak kementerian telah memperuntukkan 8% untuk **ungkapan**, 6% **struktur ayat**, 10% **kata tugas**, 51% **kata nama**, 20% **kata kerja**, 1%

sebutan dan 3% untuk **bilangan**. Kategori **kata nama** merupakan perbendaharaan kata yang terbanyak dalam buku teks tingkatan satu, dua dan tiga iaitu melebihi separuh perbendaharaan kata (51%).

Dari sudut pengagihan perbendaharaan kata mengikut tingkatan pula, kementerian telah memperuntukkan **987** (sembilan ratus lapan puluh tujuh) atau 31% perbendaharaan kata untuk tingkatan satu, **969** (sembilan ratus enam puluh sembilan) atau 30% untuk tingkatan dua dan **1,258** (satu ribu dua ratus lima puluh lapan) atau 39% untuk tingkatan tiga.

Kesemuanya **3,214** (tiga ribu dua ratus empat belas) perbendaharaan kata yang perlu didedahkan kepada pelajar sepanjang mereka mempelajari bahasa Arab dari tingkatan satu ke tingkatan tiga seperti rajah di bawah:



RAJAH 4.1

Jumlah Keseluruhan Perbendaharaan Kata Dalam Buku Teks.

Apabila merujuk kepada pembahagian unit, tajuk dan perbendaharaan kata, maka guru bahasa perlulah merancang dan merangka strategi, teknik dan kaedah pengajaran yang baik serta menarik, agar perbendaharaan kata yang diperuntukkan dapat dikuasai oleh pelajar dan seterusnya dapat digunakan dalam kemahiran-kemahiran bahasa.

Bagi seseorang guru bahasa, mereka hendaklah mengajar makna perkataan, kemahiran memahami dan menggunakan perkataan tersebut secara konotatif (variasi / lapisan makna). Di samping itu, guru bahasa juga harus membimbing pelajar mencari erti perkataan secara terus iaitu secara definisi atau denotatif dengan merujuk kamus tanpa bantuan daripada guru.

Sebenarnya untuk mempelajari makna, kemahiran memahami dan menggunakan perkataan secara konotatif dalam ayat adalah lebih sukar jika dibandingkan dengan mengajar makna perkataan secara definisi atau denotatif, kerana konteks pengajaran dan pembelajarannya perlulah dirancang dengan lebih kreatif oleh guru bahasa.

4.2 Perbendaharaan Kata Bahasa Arab Dari Kertas Jawapan.

Penulis telah memilih 30 set kertas jawapan percubaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) untuk dijadikan sampel dalam kajian ini.

Bilangan kertas jawapan tersebut dipilih seperti berikut:

JADUAL 4.4
Bilangan Kertas Jawapan

Bil	Nama sekolah	Bil.kertas jawapan
1.	Sek. Men. Keb. (A) Sultan Muhammad	15
2.	Sek. Men. Keb. (A) Sharifah Rodziah	15
	Jumlah	30

Melalui kertas jawapan ini, penulis telah memilih soalan kelima iaitu soalan “*karangan*” sebagai sampel kajian. Di antara sebab kenapa karangan dijadikan sampel kajian ialah:

- i. pengajaran dan pembelajaran karangan merupakan suatu perkara yang mustahak kerana ia merupakan peringkat tertinggi dalam kemahiran bahasa iaitu kemahiran bahasa tulisan (*Kamaruddin Hj.Husin – 1998 : 276*).
- ii. untuk mengetahui sejauh mana tahap pencapaian pelajar dalam menguasai perbendaharaan kata bahasa Arab.
- iii. untuk mengetahui kemampuan pelajar mengolah idea yang terdapat dalam minda mereka (*Rushdi Ahmad Ta^cimah – 1989 : 186*)

- iv. ketika pelajar mengolah idea untuk menulis karangan, mereka akan mengimbas kembali perbendaharaan kata yang telah diperolehi semasa pembelajaran (*Mohd.Sobri al-Suqailiy – 1996: 63*).
- v. pelajar dapat melahirkan buah fikiran, pengalaman dan imiginasi serta berkemahiran untuk menyusun dan memilih perkataan melalui penggunaan bahasa yang telah mereka pelajari beberapa lama dahulu (*Kamaruddin Hj.Husin – 1998 : 278*)

Sebagai kesimpulan, memang sesuailah karangan dipilih sebagai sampel kajian penulis untuk mengetahui tahap penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab di kalangan pelajar.

Kajian akan tertumpu kepada empat tajuk karangan yang terdapat dalam kertas soalan tersebut, iaitu:

1. القِرَاءَةُ وَأَهْمِيَّتُهَا لَدَى الطَّلِبَةِ

Membaca dan kepentingannya di kalangan pelajar.

2. قُمْتَ مَعَ أُسْرَتِكَ بِزِيَارَةِ جَزِيرَةِ لَعْكَاوِي. صِفْ مَا رَأَيْتَ فِي تِلْكَ الْجَزِيرَةِ.

Anda telah melawat Pulau Langkawi bersama dengan keluarga anda. Gambarkan apa yang anda saksikan dalam lawatan tersebut.

3. ذَهَبَ عَلَيَّ وَيُوسُفُ إِلَى سُوقٍ مَرَكَبَتٍ لِشِرَاءِ بَعْضِ اللُّوْزِمِ اليَوْمِيَّةِ.
أَكْتُبُ حِوَارًا بَيْنَهُمَا وَبَيْنَ البَائِعِينَ فِيهِ.

Ali dan Yusuf telah pergi ke pasaraya untuk membeli barang keperluan harian. Tuliskan perbualan di antara mereka dengan penjual di pasaraya tersebut.

4. أَنْتَ مُصَابٌ بِالْحَمَى مُنْذُ الأَمْسِ. أَكْتُبُ رِسَالَةً إِلَى مُعَلِّمٍ فَصَلِّكَ تُخْبِرُهُ فِيهَا بِأَنَّكَ لَا تَسْتَطِيعُ أَنْ تَحْضُرَ إِلَى المَدْرَسَةِ لِمُدَّةِ يَوْمَيْنِ.

Semalam anda telah ditimpa demam, tuliskan sepucuk surat kepada guru tingkatan anda, menyatakan keuzuran anda dan tidak dapat hadir ke sekolah selama dua hari.

Bilangan kertas jawapan mengikut tajuk adalah seperti berikut:

JADUAL 4.5

Bilangan Kertas Jawapan Mengikut Tajuk Soalan

Bil.	Tajuk karangan	Bil.pelajar
1.	Kepentingan membaca	6
2.	Melawat Pulau Langkawi	6
3.	Perbualan – di pasaraya	11
4.	Surat – tidak dapat hadir ke sekolah.	7
	Jumlah	30

Penulis telah memilih kertas jawapan untuk soalan ketiga iaitu soalan berbentuk perbualan – “Ali dan Yusuf telah pergi ke pasaraya untuk membeli barang keperluan harian. Tuliskan perbualan di antara mereka dengan penjual di pasaraya tersebut” – kerana:

- i. kebanyakan pelajar menjawab soalan ini iaitu sebanyak sebelas set.
- ii. bahasa Arab yang diajar di sekolah, khususnya di tingkatan satu, dua dan tiga adalah berbentuk komunikasi iaitu Bahasa Arab Komunikasi.
- iii. dalam perbualan, banyak kategori perbendaharaan kata dapat digunakan, seperti **ungkapan, kata nama, kata kerja, kata tugas, bilangan, struktur ayat** dan sebagainya.
- iv. memenuhi objektif kajian, iaitu untuk melihat tahap penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab di kalangan pelajar serta kesinambungannya dengan perbendaharaan kata yang terdapat dalam buku teks tingkatan satu, dua dan tiga.

4.2.1 Bilangan Perbendaharaan Kata Dalam Kertas Jawapan Pelajar.

Penulis telah mengeluarkan perbendaharaan kata yang terdapat dalam kertas jawapan pelajar dan menyusunnya mengikut kategori sebagaimana yang terdapat dalam buku teks. Penulis mengira setiap perkataan yang ditulis oleh pelajar, sekiranya terdapat perkataan-perkataan yang diulang dalam kertas jawapan mereka, ianya akan dikira sekali sahaja oleh penulis.

JADUAL 4.6 , sambungan

Bil	Pelajar	Tajuk	UK.	STA	KT	KN	KK.	BIL	Jumlah
16.	Sampel 16	3	18	7	21	27	12	1	86
17.	Sampel 17	3	0	3	20	10	5	0	38
18.	Sampel 18	3	0	3	10	15	4	5	37
19.	Sampel 19	3	9	3	14	10	4	3	43
20.	Sampel 20	3	7	2	10	13	4	5	41
21.	Sampel 21	3	17	2	18	15	6	4	62
22.	Sampel 22	3	9	8	22	20	8	1	68
23.	Sampel 23	3	10	4	17	27	9	9	76
24.	Sampel 24	3	3	5	11	32	7	1	59
25.	Sampel 25	4	7	5	16	23	4	2	57
26.	Sampel 26	4	6	5	16	29	7	1	64
27.	Sampel 27	4	3	8	16	23	11	2	63
28.	Sampel 28	4	3	6	11	30	8	1	59
29.	Sampel 29	4	4	7	13	26	8	1	59
30.	Sampel 30	4	5	6	15	19	12	1	58
Jumlah			130	168	480	727	280	66	1851
Peratus			7 %	9 %	26 %	39 %	15 %	4 %	100 %
Purata			4.3	5.6	16	24.2	9.3	2.2	61.7

Jadual 4.6 di bawah menunjukkan jumlah perbendaharaan kata yang telah dikira dan dikeluarkan oleh penulis dari kertas jawapan pelajar.

JADUAL 4.6

Bilangan Perbendaharaan Kata Dalam Kertas Jawapan Pelajar.

Bil	Pelajar	Tajuk	UK.	STA	KT	KN	KK.	BIL	Jumlah
1.	Sampel 1	1	0	9	25	30	16	0	80
2.	Sampel 2	1	3	9	20	30	13	0	75
3.	Sampel 3	1	0	0	8	22	6	0	36
4.	Sampel 4	1	0	8	18	23	12	0	61
5.	Sampel 5	1	1	4	15	24	8	0	52
6.	Sampel 6	1	0	6	11	25	12	0	54
7.	Sampel 7	2	0	9	15	37	10	0	71
8.	Sampel 8	2	0	8	21	35	18	2	84
9.	Sampel 9	2	0	9	16	22	11	4	62
10.	Sampel 10	2	2	8	19	33	11	2	75
11.	Sampel 11	2	0	5	14	33	16	4	72
12.	Sampel 12	2	0	8	16	29	11	6	70
13.	Sampel 13	3	6	4	19	17	9	5	60
14.	Sampel 14	3	4	3	17	22	11	3	60
15.	Sampel 15	3	13	4	16	26	7	3	69


Penulis telah menganalisa perbendaharaan kata bahasa Arab yang terdapat dalam 30 set kertas jawapan pelajar. Keseluruhan perbendaharaan kata bahasa Arab yang telah digunakan oleh mereka adalah sebanyak **1,851** (satu ribu lapan ratus lima puluh satu) patah perkataan.

Pelajar telah menggunakan 130 (satu ratus tiga puluh) perbendaharaan kata atau tujuh peratus dalam kategori **ungkapan**, 168 (satu ratus enam puluh lapan) atau sembilan peratus (9%) dalam kategori **struktur ayat**, 480 (empat ratus lapan puluh) atau dua puluh enam peratus (26%) dalam kategori **kata tugas**, 727 (tujuh ratus dua puluh tujuh) atau tiga puluh sembilan peratus (39%) dalam kategori **kata nama**, 280 (dua ratus lapan puluh) atau lima belas peratus (15%) dalam kategori **kata kerja** dan 66 (enam puluh enam) atau empat peratus (4%) dalam kategori **bilangan**.

Purata jumlah keseluruhan perbendaharaan kata bahasa Arab yang digunakan oleh pelajar ialah sebanyak 61.7. Daripada jumlah purata tersebut, 15 orang pelajar atau 50% pelajar melebihi minima purata, manakala 15 orang pelajar atau 50% lagi tidak melepasi purata.

Seorang pelajar dapat menguasai perbendaharaan kata yang tinggi iaitu sampel yang ke 16, beliau telah menguasai perbendaharaan kata sebanyak 86 patah perkataan dalam karangannya. Terdapat 3 orang pelajar yang memperolehi bilangan perbendaharaan kata yang kurang daripada 40 perkataan. Sampel ke-3 mendapat 36 patah perkataan, manakala sampel ke-17 memperolehi 38 patah perkataan dan sampel ke-18 mendapat 37 patah perkataan.

Jumlah keseluruhan penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab di kalangan pelajar dapat dilihat melalui rajah berikut:



RAJAH 4. 2

Jumlah Keseluruhan Penguasaan Perbendaharaan Kata Bahasa Arab Di kalangan Pelajar

4.2.2 Perbandingan Di antara Perbendaharaan Kata Yang Terdapat Dalam Kertas Jawapan Dan Buku Teks.

Penulis telah memilih perbendaharaan kata yang terbanyak digunakan oleh pelajar dari setiap kategori untuk dijadikan sampel perbandingan dalam kajian ini. Perbandingan ini dibuat untuk melihat sejauh mana penguasaan pelajar terhadap perbendaharaan kata jika dibandingkan dengan perbendaharaan kata yang terdapat dalam buku teks.

Secara keseluruhan, penggunaan perbendaharaan kata di kalangan pelajar amat ketara perbezaannya jika dibandingkan dengan perbendaharaan kata dalam buku teks tingkatan satu, dua dan tiga. Perbezaannya dapat dilihat melalui jadual di bawah;

JADUAL 4.7

**Perbandingan Di Antara Perbendaharaan Kata Dalam Kertas
Jawapan Pelajar Dan Buku Teks**

Perbendaharaan kata	Uk	Sta	Kt	Kn	Kk	Bil	Jum
Kertas jawapan	18	9	25	37	18	9	116
Buku teks	265	199	327	1647	652	100	3190
Peratus Penggunaan	6.7%	4.5%	7.6%	2.2%	2.7%	9%	3.6%

Dalam kategori **ungkapan**, daripada 265 (dua ratus enam puluh lima) **ungkapan** yang telah diperkenalkan dalam buku teks tingkatan satu, dua dan tiga, seorang pelajar iaitu sampel ke-16, telah menggunakannya sebanyak 18 **ungkapan** dalam jawapannya. Namun begitu terdapat 11 (sebelas) orang pelajar langsung tidak menggunakannya dalam jawapan mereka.

Dalam kategori **struktur ayat**, terdapat 199 (satu ratus sembilan puluh sembilan) **struktur ayat** dalam buku teks tingkatan satu, dua dan tiga, 4 (empat) orang pelajar telah menggunakannya sebanyak sembilan kali dalam jawapan mereka. Seorang pelajar (sampel ke-3) langsung tidak menggunakan **struktur ayat** dalam jawapannya dan dua orang pelajar lagi hanya menggunakannya sebanyak dua kali sahaja.

Bagi kategori **kata tugas** terdapat 327 (tiga ratus dua puluh tujuh) **kata tugas** dalam buku teks. Seorang pelajar iaitu sampel yang pertama menggunakannya sebanyak 25 (dua puluh lima) kali dalam penulisannya. Kebanyakan pelajar lain hanya menggunakannya dalam lingkungan belasan kali iaitu melebihi had purata **kata tugas** iaitu 16 (enam belas). Terdapat perbezaan yang begitu ketara di antara **kata tugas** yang digunakan oleh pelajar dengan **kata tugas** yang terdapat dalam buku teks. Penguanaannya hanyalah sebanyak 7.6% sahaja, iaitu satu angka yang agak membimbangkan dalam usaha untuk menguasai bahasa Arab.


Dalam kategori **kata nama** pula, terdapat perbezaan yang amat ketara di antara **kata nama** yang digunakan oleh pelajar dengan **kata nama** yang terdapat dalam buku teks. Daripada 1,647 (satu ribu enam ratus empat puluh tujuh) **kata nama** yang terdapat dalam buku teks tingkatan satu, dua dan tiga, seorang pelajar iaitu sampel yang ke-7 telah menggunakannya sebanyak 37 (tiga puluh tujuh) kali dalam jawapannya. Jika dilihat dari segi peratus penguanaannya, **kata nama** yang digunakan dalam jawapan pelajar hanyalah 2.2 %.

Bagi kategori **kata kerja** pula, terdapat 652 (enam ratus lima puluh dua) **kata kerja** dalam buku teks tingkatan satu, dua dan tiga, seorang pelajar iaitu sampel ke-8 telah menggunakannya sebanyak 18 kali iaitu 2.7 peratus.

Manakala dalam kategori **bilangan**, daripada 100 (satu ratus) **bilangan** yang terdapat dalam buku teks, seorang pelajar iaitu sampel ke-23 telah menggunakannya sebanyak 9 (sembilan) kali dalam jawapannya,

sementara 8 (lapan) orang pelajar langsung tidak menggunakannya dalam jawapan mereka.

Jika merujuk kepada perbandingan di antara perbendaharaan kata yang terdapat dalam buku teks dan yang digunakan oleh pelajar, kita dapati peratus penggunaannya terlalu rendah. Keseluruhannya, pelajar hanya menggunakan perbendaharaan kata sebanyak 3.6% sahaja, iaitu suatu tahap yang membimbangkan dalam usaha untuk mempertingkatkan penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab di kalangan pelajar. Perbezaan ini dapat dilihat dengan jelas melalui rajah di bawah.



RAJAH 4. 3

Perbezaan Di Antara Perbendaharaan Kata Kertas Jawapan Pelajar Dan Buku Teks

4.3 Analisa Soal Selidik

Penulis telah menyediakan 10 set soalan soal selidik untuk guru-guru yang mengajar di dua buah sekolah berkenaan (SMK(A) Sharifah Rodziah dan SMK(A) Sultan Muhammad). Soal selidik ini bertujuan untuk mendapat maklumat yang lengkap berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, bahan pengajaran dan pelajar. Maklumat yang diperolehi ini akan dapat membantu penulis menyiapkan kajiannya.

Penulis telah membahagikan soalan tersebut kepada empat bahagian, seperti berikut:

JADUAL 4. 8

Bentuk Soalan Soal Selidik.

Bil.	Bahagian	Bentuk soalan	Bil. soalan
1.	Bahagian A	Latar belakang guru	8
2.	Bahagian B	Kaedah pengajaran bahasa Arab Cadangan P&P bahasa Arab	11 5
3.	Bahagian C	Buku teks Cadangan mempertingkatkan mutu	3 5
4.	Bahagian D	Kemampuan pelajar Cadangan mempertingkatkan bahasa Arab di kalangan pelajar.	6 5
Jumlah		Soalan Cadangan	28 15

Penulis menumpukan soalan tersebut kepada tiga elemen penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab iaitu guru, bahan dan pelajar. **Bahagian A** dirangka untuk mengetahui maklumat yang berkaitan dengan guru yang mengajar bahasa Arab. Manakala dalam **bahagian B**, penulis ingin mendapat maklumat secara terperinci mengenai kaedah pengajaran bahasa Arab khususnya dalam pengajaran perbendaharaan kata yang telah dijalankan oleh guru-guru tersebut.

Dalam **bahagian C**, penulis mencungkil maklumat yang penting daripada guru-guru berkenaan dengan bahan pelajaran iaitu buku teks. Manakala dalam Bahagian D, penulis mengemukakan soalan-soalan yang berkaitan dengan pelajar.

4.3.1 Bahagian A – Latar Belakang Guru

Guru memainkan peranan yang penting dalam pengajaran bahasa Arab. Di bilik darjah, gurulah yang menguasai dan mengawal aktiviti pengajaran. Dalam hal ini, mereka memainkan peranan yang aktif dan pemerhatian pelajar tertumpu kepadanya.

Biasanya dalam sesuatu situasi pengajaran dan pembelajaran guru akan memberi penerangan secara panjang lebar, bertindak sebagai model dengan melakukan beberapa tunjuk cara, bekerjasama dengan guru-guru lain dalam satu pasukan dan sebagainya (*Kamaruddin Hj.Hussin – 1990:6*)

Merujuk kepada pandangan sarjana mengenai peranan guru dalam pendidikan, penulis merasakan kelulusan, pengalaman dan minat guru amat penting untuk mencapai objektif tersebut.

Disini penulis akan menganalisa setiap maklumat yang diperolehi daripada para guru;

i – Kelulusan

Untuk memantapkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah, setiap guru bahasa haruslah mempunyai latar belakang kelulusan yang baik dalam bidang tersebut.

Jadual di bawah ini akan memberi gambaran mengenai latar belakang kelulusan guru bahasa Arab yang mengajar di SMK(A) Sultan Muhammad dan SMK(A) Sharifah Rodziah.

JADUAL 4.9

Latar Belakang Kelulusan Guru

Kelulusan Guru		Dalam negeri	Luar negara	Pengkhususan bahasa Arab
Sampel 1	SMK(A) Sultan Muhammad	√		
Sampel 2		√		
Sampel 3			√	√
Sampel 4		√		√
Sampel 5			√	

JADUAL 4.9 sambungan ...

Kelulusan Guru		Dalam negeri	Luar negara	Pengkhususan bahasa Arab
Sampel 6	SMK(A) Sharifah Rodziah		√	√
Sampel 7		√		√
Sampel 8			√	
Sampel 9		√		
Sampel 10			√	√
Jumlah		5 orang	5 orang	5 orang
Peratus		50%	50%	50%

Daripada sepuluh orang guru bahasa Arab yang mengajar di sekolah berkenaan, terdapat lima orang guru atau 50% merupakan guru yang berkelulusan dalam negeri seperti UM, UKM, UIAM dan KUSZA. Mereka terdiri daripada tiga orang guru SMK(A) Sultan Muhammad dan dua orang guru dari SMK(A) Sharifah Rodziah. Sementara 5 orang guru lagi atau 50% berkelulusan luar negara iaitu dari Mesir, Maghribi dan Jordan. Tiga daripada mereka adalah guru SMK(A) Sharifah Rodziah dua orang guru lagi dari SMK(A) Sultan Muhammad.

Terdapat seramai lima orang guru iaitu sebanyak 50% yang mengajar bahasa Arab di sekolah-sekolah berkenaan, mempunyai pengkhususan dalam bidang bahasa Arab. Manakala yang selebihnya iaitu 50% lagi, tidak mempunyai pengkhususan bahasa Arab.

ii. *Pengalaman Mengajar*

Pengalaman dalam bidang pengajaran amat penting bagi seseorang guru. Dalam pengajaran bahasa Arab, guru yang berpengalaman amat diperlukan terutama di peringkat awal iaitu di tingkatan satu, dua dan tiga bertujuan untuk menarik minat dan merangsang motivasi pelajar ke arah mempelajari bahasa tersebut. Di sini penulis meninjau pengalaman guru bahasa, terutamanya dari sudut bilangan tahun perkhidmatan mereka. Semakin lama guru berkhidmat, semakin banyak pengalaman dan berbagai percubaan yang telah dilakukan untuk membantu pelajar mempelajari bahasa Arab.

Secara keseluruhannya, bilangan tahun guru mengajar adalah seperti berikut;

JADUAL 4. 10
Pengalaman Mengajar Bahasa Arab

Bil. tahun	SMK(A)SM		SMK(A)SR		Jumlah	Peratus
	Bil. Guru	%	Bil. Guru	%		
1 - 2 Th.	3	30 %	1	10 %	4	40 %
2 - 4 Th.			1	10 %	1	10 %
4 - 6 Th.	2	20 %	1	10 %	3	30 %
6 - 8 Th.			1	10 %	1	10 %
8 - 10 Th			1	10 %	1	10 %
Lebih 10 Th.						
Jumlah	5	50 %	5	50 %	10	100 %

Empat orang guru (40%) merupakan guru baru, 30% dari SMK(A) Sultan Muhammad dan 10% lagi dari SMK(A) Sharifah Rodziah. Seorang guru dari SMK(A) Sharifah Rodziah mempunyai pengalaman mengajar dalam lingkungan 2-4 tahun. Terdapat tiga orang guru (30%) yang berkhidmat dalam lingkungan 4 - 6 tahun, 20% dari SMK(A) Sultan Muhammad dan 10% lagi dari SMK(A) Sharifah Rodziah. Cuma seorang guru sahaja yang mengajar bahasa Arab lebih dari 8 tahun iaitu guru dari SMK(A) Sharifah Rodziah.

iii. Pendedahan Kursus

Pendedahan kepada kursus amat diperlukan oleh guru untuk membantu mereka dalam proses pengajaran. Pelbagai bentuk, teknik dan kaedah pengajaran terutamanya yang terkini akan dapat diperolehi melalui kursus.

Di sini penulis melampirkan analisa tentang kekerapan guru mengikuti kursus;

JADUAL 4.11

Pendedahan Kursus Di Kalangan Guru.

Kekerapan	SMK(A)SM		SMK(A)SR		Jumlah	Peratus
	Bil.Guru	%	Bil.Guru	%		
Amat kerap	0		0		0	0 %
Kerap	1	10 %	2	20 %	3	30 %
Kadang-kadang	1	10 %	3	30 %	4	40 %
Tidak pernah	3	30 %			3	30 %
Jumlah	5	50 %	5	50 %	10	100 %

Daripada analisa tersebut, tiga orang guru (30%) **tidak pernah** mengikuti kursus, mereka merupakan guru baru. Empat orang guru (40%) jarang (**kadang-kadang**) mengikuti kursus sementara tiga orang guru lagi **kerap** mendapat pendedahan melalui kursus.

Melalui pengalaman yang diperolehi daripada kursus guru bahasa akan dapat menambahkan lagi pengetahuan yang berkaitan dengan bidang mereka dan dapat di kongsi bersama dengan guru-guru lain.

iv . Minat Guru Mengajar Bahasa Arab.

Daripada 10 orang guru yang dijadikan sampel kajian soal selidik untuk mengetahui minat mereka mengajar bahasa Arab, 6 (enam) orang guru atau 60% **sangat berminat** mengajar bahasa Arab, sementara 4 (empat) orang atau 40% lagi hanya sekadar **berminat** mengajar bahasa Arab.

Apabila diteliti latar belakang guru yang hanya **berminat** mengajar bahasa Arab, penulis dapati ada dua sebab kenapa mereka hanya **berminat**, iaitu ;

- i. mereka merupakan guru baru dan di tugaskan untuk mengajar bahasa Arab iaitu dalam lingkungan satu hingga dua tahun, kecuali sampel ke empat, ia mempunyai pengalaman mengajar dalam lingkungan dua - empat tahun.
- ii. mereka berkelulusan dalam negeri sahaja, iaitu dari UKM, UM dan KUSZA.

Kedua-dua faktor ini menyebabkan mereka merasa kurang yakin, dan lebih berminat mengajar mata pelajaran lain seperti Pendidikan Islam dan sebagainya.

Kesimpulannya, pengetahuan yang diperolehi oleh guru semasa belajar sama ada dalam atau luar negara, pengalaman mengajar, minat mereka dalam pengajaran serta pendedahan melalui kursus-kursus, akan dapat membantu para guru mempertingkatkan pengajaran mereka dan seterusnya menjamin mutu pendidikan bahasa Arab yang cemerlang.

4.3.2 *Bahagian B - Kaedah Pengajaran Bahasa Arab*

Di dalam bahagian B ini, penulis meminta para guru untuk mengemukakan pandangan mereka mengenai kaedah pengajaran bahasa Arab yang sering mereka jalankan. Berpandukan maklumat yang telah diberikan, penulis telah menganalisa seperti berikut;

JADUAL 4. 12

KAEDAH PENGAJARAN BAHASA ARAB

Bil	Butiran	Sangat kerap		Kerap		Kadang kadang		Tidak pernah	
1.	Pengajaran perbendaharaan kata bahasa Arab.	3	30 %	6	60 %	1	10 %		
2.	Memberi perkataan baru dan menterjemahkannya.	3	30 %	6	60 %	1	10 %		
3.	Mempelbagaikan kaedah terjemahan.	1	10 %	1	10 %	8	80 %		

JADUAL 4. 12 sambungan

Bil	Butiran	Sangat kerap		Kerap		Kadang kadang		Tidak pernah	
4.	Menggalakkan pelajar menggunakan kamus.	2	20 %	7	70 %	1	10 %		
5.	Menggalakkan pelajar menghafaz perkataan baru	5	50 %	4	40 %	1	10 %		
6.	Memberi perkataan baru dan membina ayat.	2	20 %	6	60 %	2	20 %		
7.	Memberi makna seerti .	6	60 %	3	30 %	1	10 %		
8.	Memberi makna berlawanan.	6	60 %	3	30 %	1	10 %		
9.	Menggunakan buku teks dalam pengajaran.	2	20 %	6	60 %	2	20 %		
10.	Menggunakan Bahan Bantu Mengajar dalam pengajaran.	1	10 %	1	10 %	7	70 %	1	10 %
11.	Penggunaan buku lain utk menambahkan per-bendaharaan kata b. Arab.	1	10 %	6	60 %	3	30 %		

Apabila melihat kepada pandangan guru mengenai kaedah pengajaran dan pembelajaran, banyak aktiviti yang dikemukakan oleh penulis **kerap** dijalankan oleh guru, kecuali soalan 10 (sepuluh), iaitu menggunakan Bahan Bantu Mengajar dalam pengajaran, kebanyakan guru iaitu 70% jarang (**kadang-kadang**) menggunakannya. Seorang guru (10%), **tidak pernah** menggunakannya, seorang guru (10%) **sangat kerap** dan seorang guru (10%) lagi **kerap** menggunakannya dalam pengajaran.

Dari sudut pengajaran perbendaharaan kata bahasa Arab iaitu memberi perkataan baru dan menterjemahkannya sebanyak 30% guru

sangat kerap menggunakannya dalam pengajaran mereka, 60% guru **kerap** dan 10% lagi menggunakannya secara **kadang-kadang**. Bagi soalan tiga iaitu mempelbagaikan kaedah terjemahan pula, sebanyak 10% guru **sangat kerap**, 10% **kerap** dan 80% lagi **kadang-kadang** menggunakannya.

Dalam aspek menggalakkan pelajar menggunakan kamus, 20% guru **sangat kerap** menggunakan kaedah ini, 70% **kerap** dan 10% **kadang-kadang**.

Bagi aspek lain pula, iaitu menggalakkan pelajar menghafaz perkataan baru, 50% guru **sangat kerap**, 40% **kerap** dan 10% sahaja yang menggunakan kaedah ini secara **kadang-kadang**. Tetapi apabila penulis mengaitkannya dengan soalan enam, iaitu memberi perkataan baru dan membina ayat 20% daripada guru-guru **sangat kerap** menggunakannya dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, 60% **kerap** sementara 20% lagi hanyalah **kadang-kadang**. Sepatutnya guru hendaklah mengimbangi di antara mengajar perbendaharaan kata secara denotatif dan konotatif.

- Dari sudut kaedah memberi makna seerti dan berlawanan (soalan 7 dan 8) 60% guru **sangat kerap** menggunakan kaedah ini, 30% **kerap** dan 10% **kadang-kadang** menggunakannya dalam pengajaran mereka. Bagi soalan sembilan pula, menggunakan buku teks dalam pengajaran, 2 orang guru (20%) **sangat kerap** menggunakannya, kebanyakan guru (60%) **kerap** dan 20% lagi **kadang-kadang**. Begitu juga dengan soalan terakhir, penggunaan buku-buku lain untuk menambahkan perbendaharaan kata

bahasa Arab, 10% guru **sangat kerap**, 60% **kerap** dan 30% **kadang-kadang** menggunakannya dalam sesi pengajaran mereka.

4.3.3 Bahagian C - Buku Teks

Buku teks ialah bahan bantuan mengajar yang paling kerap digunakan oleh guru bahasa bagi mengajar sesuatu kemahiran atau aspek bahasa. Biasanya kebanyakan isi kandungan buku teks mencakupi kemahiran-kemahiran bahasa seperti bertutur, mendengar, membaca dan menulis. Selain itu, aspek-aspek bahasa yang lain juga diambil kira, seperti aspek tatabahasa, perbendaharaan kata dan bahasa idiomatis (Abd.Aziz b. Abd. Talib – 2000 : 277).

Di sini terdapat berberapa pandangan daripada guru berkaitan dengan buku teks seperti jadual 4.13:

JADUAL 4.13
Pandangan Guru Terhadap Buku Teks

Bil	Butiran	Amat memuaskan		Memuaskan		Kurang memuaskan		Tidak memuaskan	
1.	Buku teks yang digunakan menarik berbanding dengan buku-buku teks lain.			8	80 %	2	20 %		
2.	Buku teks dapat menambah kan perbendaharaan kata b.Arab kpd pelajar.			10	100 %				
3.	Kesesuaian di antara isi kandungan buku teks dengan tahap pelajar.	1	10 %	9	90 %				

Berdasarkan jadual 4.13, kebanyakan guru menilai buku teks dengan kadar **memuaskan**. Bagi soalan pertama, 80% guru menilai buku teks bahasa Arab menarik jika dibandingkan dengan buku teks lain, sementara 20% lagi menilainya dengan kadar **kurang memuaskan**.

Bagi soalan kedua, iaitu buku teks dapat menambahkan perbendaharaan kata bahasa Arab kepada pelajar, semua guru 100% menilainya dengan kadar **memuaskan**. Seorang guru (10%) telah menilai kesesuaian di antara isi kandungan buku teks dengan tahap pelajar dengan **amat memuaskan**, manakala 90% lagi menilai dengan kadar **memuaskan**.

Sebagai kesimpulannya, isi kandungan buku teks bersesuaian dengan tahap pelajar dan ia boleh menambahkan perbendaharaan kata bahasa Arab kepada pelajar.

4.3.4 Bahagian D - Kemampuan Pelajar

Di dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, masalah yang sering di hadapi oleh pelajar ialah ketidak upayaan mereka menguasai kemahiran-kemahiran asas iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Dalam hal ini, para guru telah mengemukakan pandangan mereka melalui jawapan soal selidik dan cadangan-cadangan yang membina. Berikut adalah analisa soal selidik yang berkaitan dengan pandangan mereka terhadap kemampuan pelajar;

JADUAL 4. 14

Pandangan Guru Terhadap Kemampuan Pelajar.

Bil	Butiran	Amat memuaskan		Memuaskan		Kurang memuaskan		Tidak memuaskan	
1.	Pelajar berminat mempelajari bahasa Arab.			8	80 %	2	20 %		
2.	Pelajar bersedia sebelum pembelajaran b. Arab.			3	30 %	6	60 %	1	10 %
3.	Pelajar mengulangkaji pelajaran bahasa Arab.			2	20 %	8	80 %		
4.	Kesungguhan pelajar membuat latihan b.Arab			6	60 %	3	30 %	1	10 %
5.	Pelajar. menguasai perbendaharaan kata b.Arab.			2	20 %	8	80 %		
6.	Pencapaian pelajar dalam ujian dan peperiksaan.			6	60 %	4	40 %		

Dalam bahagian D, penulis sekali lagi meminta guru agar menilai kemampuan pelajar, khususnya yang berkaitan dengan penguasaan bahasa Arab. Bagi soalan pertama iaitu minat pelajar dalam mempelajari bahasa Arab, sebanyak 80% guru menilai pelajar pada tahap memuaskan, manakala 20% peratus lagi menilai dengan kadar kurang memuaskan.

Dalam aspek persediaan pelajar untuk mempelajari bahasa Arab, didapati seramai enam orang guru (60%) menilai pelajar pada tahap kurang memuaskan dan seorang guru (10%) menilai mereka pada tahap

tidak memuaskan. Begitu juga dari sudut mengulangkaji pelajaran bahasa Arab dan menguasai perbendaharaan kata, 80% guru menilai mereka pada tahap **kurang memuaskan.**

Berpandukan analisa soal selidik di bahagian, ini penulis mendapati komitmen dan kesungguhan pelajar masih di tahap yang lemah. Pelajar perlu diberi perhatian yang khusus dan bimbingan yang berterusan agar mereka lebih berminat untuk mempelajari bahasa Arab.

4.4 Temu bual

Untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, penulis telah menemu bual guru-guru yang mengajar bahasa Arab di dua buah sekolah berkenaan. Bagi mendapatkan maklumat yang tepat, penulis telah menentukan strategi yang berkesan serta merangka soalan-soalan yang boleh mencungkil maklumat-maklumat yang diperlukan daripada guru-guru.

Aspek yang ditekankan oleh penulis dalam temu bual tersebut ialah aspek yang berkaitan dengan:

- ❖ kaedah pengajaran.
- ❖ pengajaran perbendaharaan kata.
- ❖ penggunaan buku teks bahasa Arab.
- ❖ perbendaharaan kata dalam buku teks.
- ❖ kemahiran berbahasa yang digunakan.

- ❖ latihan-latihan dan penilaian.
- ❖ bahan bantu mengajar.
- ❖ penggunaan buku kerja / luar.
- ❖ kursus-kursus yang diikuti.
- ❖ tahap pencapaian pelajar.

Dari temu bual tersebut, menulis dapat merumuskan maklumat yang diperolehi seperti berikut;

- i. kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab perlu dipelbagaikan agar dapat menarik minat pelajar.
- ii. guru menganggap pengajaran perbendaharaan kata sebagai suatu proses pengajaran biasa, iaitu melalui pengajaran atau latihan yang terdapat dalam pengajaran bahasa Arab yang lain. Kebanyakan guru tidak mengkhususkan pengajaran mereka dalam pengajaran perbendaharaan kata bahasa Arab.
- iii. kebanyakan guru tidak merujuk kepada perbendaharaan kata yang terdapat di akhir buku teks untuk dijadikan panduan dalam pengajaran mereka.
- iv. kursus-kursus yang berkaitan dengan kaedah pengajaran bahasa Arab, Bahan Bantu Mengajar, latihan atau penilaian, pengajaran bahasa Arab melalui media dan berbagai bentuk kursus, amat diperlukan oleh guru untuk membantu dalam mempertingkatkan lagi kaedah pengajaran dan pembelajaran mereka.

- v. tiada buku kerja yang sesuai untuk pembelajaran bahasa Arab di Malaysia, berbanding dengan buku kerja bahasa-bahasa lain seperti bahasa Inggeris dan Melayu.
- vi. buku cerita dan bahan-bahan pembelajaran bahasa Arab yang dibekalkan oleh JAPIM banyak, tetapi tidak dimanfaatkan.
- vii. perbendaharaan kata bahasa Arab yang terdapat dalam minda pelajar tak dapat digunakan sepenuhnya oleh mereka dalam pertuturan, pembacaan dan penulisan. Ini disebabkan oleh faktor persekitaran yang tidak dapat membantu pelajar merealisasikan penggunaannya.

4.5 Kesimpulan

Kesepaduan di antara kesungguhan guru, bahan yang sesuai iaitu buku teks dan minat pelajar yang mendalam terhadap bahasa Arab akan menjamin tahap penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab khususnya di kalangan pelajar Melayu. Oleh itu klasifikasi strategi pengajaran dan pembelajaran adalah bertumpu kepada pemusatan guru, pemusatan pelajar dan pemusatan bahan.

Strategi-strategi ini akan melibatkan kemahiran memilih, merancang, menyusun, dan mengurus kaedah serta teknik-teknik mengajar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang bertujuan untuk mencapai objektif tersebut.